

## **ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA: SATU KAJIAN PEMERKASAAN**

**Mohamad Zaim Isamail <sup>1\*</sup>, Mohd Farhan Md Ariffin <sup>1</sup>, Luqman Haji Abdullah <sup>1</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele <sup>1</sup>**

*<sup>1-4</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

---

### **ABSTRAK**

*Zakat merupakan salah satu bidang terpenting di dalam Islam. Di samping ianya merupakan satu bentuk ibadah ketuhanan ia juga menjaga kemaslahatan manusia. Oleh kerana itu apabila bidang zakat ini diperkasakan, secara langsung ia menjamin kemaslahatan bagi umat Islam terutamanya dari sudut ekonomi. Kertas kerja ini bertujuan untuk melakukan sorotan dan analisis terhadap bagaimana untuk memperkasakan zakat di Malaysia dengan memfokuskan kepada bidang zakat pertanian. Ia berasaskan satu kajian kualitatif yang dilakukan terhadap perbincangan-perbincangan zakat pertanian di kalangan ulama' fiqh. Hasil kajian mengemukakan beberapa kaedah pemerkasaan zakat pertanian di Malaysia iaitu memperbanyakkan sumber-sumber pertanian yang perlu dizakatkan, menyelaraskan kadar nisab bagi setiap negeri, melakukan pentaksiran ke atas tanaman dan zakat atas penyewa (petani) dan tuan tanah.*

---

**Kata Kunci:** zakat pertanian, pemerkasaan, ekonomi, fiqh.

### **Pendahuluan**

Zakat adalah ibadah harta yang mengandungi hikmah dan manfaat yang sangat besar dan mulia, sama ada terhadap pemberi zakat, penerimanya, harta yang dizakatkan, mahupun terhadap masyarakat keseluruhannya (Didin Hafidhudin, 2002). Falsafah zakat juga adalah memberi, di mana golongan yang kaya memberi kepada orang yang memerlukan terutamanya orang miskin. Ia juga membawa motif perkongsian antara orang kaya dan golongan yang tidak berasas baik serta merapatkan jurang sosial antara orang kaya dan orang miskin (Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor, 2002), ini

---

\* Corresponding author: Mohamad Zaim Isamail, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
E-mail: areim89@gmail.com

jelas kita lihat dalam sebuah hadis ketika mana Rasulullah menghantar Mu'az bin Jabal ke Yaman dan berpesan, maksudnya :

*"sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka agar menzakatkan harta mereka yang diambil daripada orang-orang yang kaya dikalangan mereka dan diberikan kembali kepada orang yang miskin dikalangan mereka"*

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Zakat juga mempunyai hikmah dan objektif yang besar dalam kehidupan manusia, antaranya adalah:

- Sebagai bukti keimanan kepada Allah dan mensyukuri nikmat-Nya, Melahirkan akhlak yang mulia dengan rasa kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan sifat kedekut, rakus, kebendaan, juga dapat memberikan ketenangan.
- Membersihkan dan mengembangkan harta yang dimiliki, kerana apabila lahirnya rasa syukur maka Allah akan menambahkan nikmat-Nya keatas hambanya. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*"Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan: sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya azabku sangat pedih"*

(Surah Ibrahim : 7)

- Zakat merupakan hak orang yang layak menerima zakat, maka hakikatnya zakat berfungsi menolong membantu dan membina mereka, terutamanya fakir miskin kearah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera. Sehingga mereka dapat memenuhi keperluan hidup, dan beribadah kepada Allah, juga dapat mengurangkan beban yang mereka tanggung.
- Orang yang tidak mahu berzakat adalah orang yang kedekut, dan kesan daripada itu akan menimbulkan sifat hasad dengki dari orang-orang miskin dan penderitaan, juga akan mengundang azab Allah s.w.t yang bermaksud :

*"(Iaitu) orang-orang yang kedekut, dan menyuruh orang lain menjadi kedekut, dan menyembunyikan apa yang dikurniakan oleh Allah yang diberikan kepada mereka. Dan kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir seksaan yang hina"*

(Surah an-Nisaa' : 37)

- Dari sudut pembangunan kesejahteraan umat, zakat merupakan salah satu instrumen persamarataan pendapatan. Dengan zakat yang dikelola dengan baik, ia dapat memungkinkan pertumbuhan ekonomi sekaligus persamarataan pendapatan, ataupun *economic with equity* (Ahmad Muflih Saefuddin, 1986).
- Zakat dapat memajukan ekonomi umat Islam dengan menerusi perancangan penggunaan dana zakat yang berkesan. Ia juga dapat menjadi sumber pendapatan kepada negara (Hamizul Abdul Hamid, 2012).

- Dapat memperkasakan negara dan umat Islam melalui penyelidikan-penyelesaian dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya dengan menggunakan dana zakat (Hamizul Abdul Hamid, 2011).
- Zakat juga berbeza dengan riba, kerana zakat pada hakikatnya dapat menyuburkan harta, sedangkan riba hanyalah kerugian pada akhirat kelak, firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*”Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah”* (Surah al-Baqarah : 276)

Secara kasarnya didapati bahawa zakat memainkan peranan yang penting dalam mengimbangi ekonomi umat Islam (Pranam Dhar, 2013). Oleh kerana itu, kertas kerja ini akan melakukan sorotan terhadap kaedah untuk memperkasakan zakat pertanian di Malaysia. Secara tidak lansung pemerkasaan zakat pertanian ini dapat mempertingkatkan hasil zakat di Malaysia dan mengimbangi kadar sosio ekonomi umat Islam di Malaysia.

### **Zakat Pertanian**

Pertanian adalah salah satu sumber pendapatan dan ekonomi bagi manusia, dengan mempunyai tanah dan tanaman yang subur boleh menjadikan seseorang itu kaya. Oleh kerana itu jugalah hasil yang dikeluarkan dari bumi tersebut diwajibkan zakat, iaitu zakat pertanian.

Zakat pertanian umumnya adalah hak yang wajib ditunaikan sebanyak 10% atau 5% (mengikut kaedah pengairan) daripada hasil pertanian (yang tertentu), pada waktu hasil tersebut dituai (atau setelah dilakukan pentaksiran) yang mencukupi atau melebihi 5 *ausuq* (Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah & Mohd Anuar Ramli, 2012). Selaras dengan pengertian zakat secara umum, iaitu “hak yang wajib ditunaikan dengan kadar tertentu dari pada harta tertentu, untuk golongan tertentu pada waktu yang tertentu” (Mansur bin Yunus al-Buhuti, 1993). Menurut Mujaini Tarimin, pentakrifan zakat pertanian adalah:

“Mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan bersih hasil pertanian yang dimajukan oleh manusia dari jenis biji-bijian atau buah-buahan atau mana-mana hasil pertanian yang memberi manfaat serta menepati semua syarat, rukun dan sebab (*illah*) diwajibkan zakat” (Mujaini Tarimin, 1990).

Zakat pertanian juga dikenali sebagai *al-’usyr*, zakat *al-zuru’ wa al-thimar*, atau zakat *al-mu’asyirat* (Yusuf al-Qaradawi, 1994), walaupun begitu ia tetap mempunyai satu maksud. Hasil pertanian wajib untuk dikeluarkan zakat daripadanya. Dalil-dalil yang mewajibkan zakat pertanian antaranya adalah seperti berikut:

#### **1. Al-Quran**

Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah :

يَتَأْلِهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبِيعَتِ مَا حَكَسَبَتْ وَمِمَّا اَخْرَجَنَا لَكُمْ مِنْ  
الْأَرْضِ

“Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu”

(Surah Al-Baqarah 2 : 267)

dan firman Allah dalam surah al-An'am :



حَكُلُوا مِنْ ثَمَرَةٍ إِذَا أَثْمَرَوْا اُثْرَا حَقَّهُ رَبِيعَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ  
**الْمُسْرِفِينَ**

“Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau”

(Surah Al-An'am 6 : 141)

## 2. Al-Sunnah

Sabda Rasulullah s.a.w :

فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْعِيُونُ أُوْ كَانَ عَثَرِيَا الْعُشْرُ وَمَا سُقِيَ بِالنَّصْحِ بِنَصْفِ الْعُشْرِ

“Pada apa-apa yang diairi (disirami) dengan air hujan, mata air atau air tanah (takungan) dikenakan (zakat) sebanyak 10%, sedangkan pada apa-apa yang diairi dengan tenaga dikenakan (zakat) sebanyak 5%”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sabda Rasulullah s.a.w :

**فِيمَا سُقِتَ الْأَنْهَارُ وَالْعَيْمُ الْعُشُورُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّائِنَةِ نِصْفُ الْعُشْرِ**

Yang bermaksud : “*Pada apa-apa yang diairi dengan sungai dan hujan dikenakan (zakat) sebanyak 10%, sedangkan pada apa-apa yang diairi dengan pengairan dikenakan (zakat) sebanyak 5%*”

(Hadis riwayat Ahmad dan Muslim)

Serta beberapa hadis lain yang menyatakan hasil pertanian dikeluarkan zakat.

### **3. Ijma'**

Para ulama' telah ijma' dalam mewajibkan zakat dari hasil yang dikeluarkan dari bumi, tetapi mereka berbeza pendapat dari sudut perinciannya sahaja (Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani, 2003).

### **Perlaksanaan Kutipan Zakat Pertanian di Malaysia**

Zakat pertanian merupakan antara sumber zakat yang penting di Malaysia, ini kerana sektor pertanian antara sektor utama yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi di Malaysia di samping sektor perkhidmatan dan perkilangan (Mohd Faisol Ibrahim & Suhana Musani, 2010) (Aziz Abdul Majid, Ab. Latif Ibrahim, Norizan Md. Nor & Hassan Naziri Khalid, 2003). Sosio ekonomi masyarakat Malaysia juga antaranya berdasarkan pertanian. Pertubuhan-pertubuhan kutipan zakat di Malaysia telah pun menjalankan kutipan zakat hasil tanaman atau pertanian demi merealisasikan tuntutan syariat. Di dalam bahagian ini akan membincangkan secara ringkas dan umum berkenaan perlaksanaan kutipan zakat di Malaysia.

Hasil pertanian yang wajib dikeluarkan di Malaysia adalah hasil pertanian yang berbentuk makanan asasi (*qut al-balad*) dan mengenyangkan bagi sesebuah negeri. Pentakrifan inilah yang diperjelaskan oleh kebanyakan pusat pungutan zakat negeri di Malaysia seperti Selangor (Lembaga Zakat Selangor), Melaka (Pusat Zakat Melaka), Pahang (Pusat Kutipan Zakat Pahang) dan selainnya. Dalam konteks Malaysia dimaklumi bahawa makanan asasi masyarakatnya adalah beras ataupun padi, oleh kerana itu zakat tanaman adalah diwajibkan ke atas padi apabila telah sempurna syarat-syaratnya (Jabatan Wakaf, 2009).

Syarat-syarat wajib zakat pertanian, tanaman atau lebih khususnya padi adalah seperti berikut (Jabatan Wakaf):

- i. Islam
- ii. Sempurna Milik
- iii. Merdeka
- iv. Cukup Nisab
- v. Biji-bijian dan buah-buahan ditanam oleh manusia

Nisab bagi zakat pertanian pula dilihat berbeza di antara setiap negeri di Malaysia. Lihat jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Kadar Nisab Zakat Pertanian di Negeri-Negeri di Malaysia**

<b>Negeri</b>	<b>Kadar Nisab (kg)</b>
Johor	816.75
Kedah	1300.49
Kelantan	875
Melaka	1300
Negeri Sembilan	1306
Pahang	1000
Perak	363 gantang
Perlis	986.7
Pulau Pinang	1300
Sabah	-
Sarawak	1080
Selangor	1306
Terengganu	937.5
Wilayah Persekutuan	363 gantang

Kadar zakat yang perlu dikeluarkan apabila hasil pertanian sudah mencukupi atau melebihi nisab adalah sebanyak 5% jika diairi oleh alat bantuan seperti jentera dan sebagainya. Jika tanaman diairi oleh air hujan atau secara alami maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan adalah sebanyak 10% (Mohd Liki Hamid, 2006). Walaubagaimanapun ada antara negeri di Malaysia meletakkan kadar zakat sebanyak 7.5% sekiranya kedua-dua kaedah pengairan tersebut digunakan (Isam Abu al-Nasr, 2010), contohnya adalah negeri Melaka (Pusat Zakat Melaka) , Sarawak (Tabung Baitulmal Sarawak) , Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) dan selainnya.

### **Pemerkasaan Zakat Pertanian**

Pemerkasaan zakat begitu penting bagi mengimbangi dan mempertingkatkan ekonomi umat Islam, Memperkasakan zakat juga dilihat sebagai suatu bentuk pemerkasaan manusia, ini adalah kerana zakat merupakan suatu mekanisme ekonomi yang berbentuk global dan bersifat manusawi (Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor, 2012). Oleh kerana itu apabila sistem zakat dapat diperkuuhkan taraf hidup umat Islam juga meningkat dan seimbang. Walaubagaimanapun kertas kerja ini hanya melakukan sorotan terhadap sub-bidang zakat sahaja iaitu zakat pertanian dan pemerkasaannya di Malaysia.

Zakat pertanian dilihat boleh diperkasakan di Malaysia, ini kerana Malaysia giat dalam mengusahakan sektor pertanian di samping sektor-sektor lain. Sektor pertanian juga merupakan sektor ekonomi primer yang merupakan sumber pendapatan negara (Mohd Faisol Ibrahim & Suhana Musani).

Berikut adalah beberapa cadangan dalam memperkasakan zakat pertanian di Malaysia:

#### **1- Memperbanyakkan sumber-sumber pertanian yang perlu dizakatkan**

Ulama-ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan jenis sumber-sumber pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Secara asasnya terdapat 4 perbezaan pendapat mengenai

isu ini;

- i) Kewajipan zakat pertanian hanya terbatas kepada empat hasil pertanian sahaja (gandum, barli, kurma dan kismis). Ia merupakan pendapat Ibnu ‘Umar dan sebahagian ulama’ salaf (Ibn Qudamah al-Maqdisi, 1992). Semua yang dikeluarkan daripada bumi yang bertujuan untuk menyuburkan tanah (memperoleh hasil) wajib untuk dikenakan zakat padanya (al-Qaradawi).
- ii) Pendapat ini dikemukakan oleh Imam AbuHanifah (‘Ali bin Abu Bakr al-Mirghinani, 2003) yang juga merupakan pendapat ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz, Mujahid, al-Nakha’I (Ibn al-Humam) dan Hammad.
- iii) Mensyaratkan bahawa hasil pertanian yang dikenakan zakat mestilah berbentuk makanan asasi yang boleh disimpan lama. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Malik dan Imam al Syafi’I (al-Syafi’i, 2002), al-Qurtubi, 2006), (Ibn al-‘Arabi, 2003)
- iv) Hanya hasil pertanian yang boleh disukat, tahan lama dan boleh dikeringkan sahaja akan dikenakan zakat. Pendapat ini didokong oleh Imam Ahmad.

Pandangan Imam Abu Hanifah dilihat relevan pada masa kini. Ini kerana sumber kekayaan hasil bumi bukanlah terhad hanya kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja. Di Malaysia perusahaan tanaman dan hasil pertanian juga berkembang pesat dan sewajarnya hasil tersebut juga perlu dikenakan zakat seperti tebu, nanas, limau dan sebagainya. Perkara ini juga secara langsung dapat meningkatkan hasil kutipan zakat pertanian di Malaysia dan dapat meningkatkan taraf ekonomi orang yang memerlukan serta melepaskan umat Islam dari kesusahan.

Al-Qaradawi di dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* bersetuju dengan pendapat Imam Abu Hanifah ini. Beliau menyebut:

*“Pendapat inilah bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah, dan ianya juga seiring dengan hikmah pensyariatan zakat, tidaklah dikatakan suatu hikmah sekiranya Allah mewajibkan zakat kepada petani yang menanam barli dan gandum, dan mengecualikan (membayar zakat) pemilik kebun-kebun limau, mangga ataupun epal”*(al-Qaradawi)

Nas-nas yang terdapat di dalam al-Quran yang menyatakan kewajipan zakat pertanian adalah bersifat umum dan tidak menentukan dan mengkhususkan jenis sumber pertanian yang wajib dizakatkan sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah 2 : 267, dan surah al-An’am 6 : 141. Begitu juga di dalam hadis Rasulullah s.a.w (Syams al-Din al-Sarakhsyi, 1978), sabda Baginda s.a.w :

*“Pada apa-apa yang diairi (disirami) dengan air hujan, mata air atau air tanah (takungan) dikenakan (zakat) sebanyak 10% , sedangkan pada apa-apa yang diairi dengan tenaga dikenakan (zakat) sebanyak 5%”*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Berasaskan pendapat inilah semua tanaman yang ditanam untuk memperoleh hasil

perlulah dizakatkan termasuklah tumbuhan hijau seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak tahan lama dan cepat busuk. Ini adalah kerana zakat pertanian akan dikenakan pada setiap tumbuhan yang sudah menjadi, contohnya tumbuhan yang kering dizakatkan apabila ia sudah kering, dan tumbuhan yang basah dizakatkan apabila ia sudah masak (al-Qaradawi). Zakat daripada tumbuhan hijau diambil mengikut nilainya bukan fizikalnya oleh kerana tumbuhan hijau cepat rosak dan busuk. Antara ulama' tersebut adalah al-Zuhri, Maimun bin Mihran, al-Auza'I (Abu 'Ubaid, 1989), Ata' al-Kurasani, al-Sya'bi (Yahya bin Adam al-Qarasyi, 1384H) dan selain mereka. Di samping itu hasil tanaman selain padi (di Malaysia terutamanya) dilihat lebih membawa hasil dan mendatangkan kekayaan kepada pengusaha (Asmak Ab. Rahman & Joni Tamkin Borhan, 2005). Oleh kerana itulah adalah wajar sekiranya hasil pertanian selain padi di Malaysia seperti keledek, pisang, sawit dan selainnya juga dikenakan zakat.

Walaupun begitu, terdapat perkara yang perlu diberi perhatian iaitu membezakan antara bentuk-bentuk tanaman yang dikenakan zakat perniagaan (iaitu tanaman yang ditanam bertujuan untuk diniagakan) dan tanaman yang dikenakan zakat pertanian. Oleh kerana itu dicadangkan agar kajian yang lebih terperinci dilakukan untuk mengklasifikasikan jenis tanaman-tanaman tersebut dalam usaha untuk mewajibkan zakat pertanian ke atas tanaman selain padi di Malaysia. Tambahan pula wujudnya kesediaan masyarakat untuk membayar zakat dari hasil pertanian yang diikhtilafkan (Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wiyadi, 2006). Ini dapat memungkinkan penambahan sumber-sumber hasil pertanian yang diwajibkan zakat dapat direalisasikan.

## **2- Menyelaraskan kadar *nisab* bagi setiap negeri**

Perbezaan kadar nisab bagi zakat tanaman di antara negeri-negeri di Malaysia perlulah diselaraskan. Ianya bertujuan untuk menjamin keseimbangan dan kestabilan sosio ekonomi umat Islam di Malaysia dan menepati prinsip-prinsip keadilan dalam kutipan hasil zakat. Nisab bagi zakat pertanian adalah sebanyak 5 *awsuq* dan hasil pertanian yang kurang daripada kadar nisab tersebut tidak diwajibkan zakat, sebagai mana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Apa-apa yang kurang daripada 5 awsuq tidak diwajibkan zakat”*  
(Hadis muttafaq ‘alaih)

Untuk menyelaraskan kadar nisab bagi setiap negeri di Malaysia perlu berapakah jumlah atau perkiraan 5 *awsuq* tersebut. Menurut al-Qaradawi perkiraan 5 *awsuq* adalah sebanyak 300 *sa'* (gantang). Penentuan tersebut berdasarkan sebuah hadis *da'iif* serta berpegang dengan *ijma'* yang dinukilkhan oleh Ibnu Munzir dan selainnya (Yahya bin Syaraf, t.t.).

Timbul pula persoalan dalam menentukan saiz besarnya satu *sa'*. Ulama' bersepakat dalam sukatn *sa'* yang dipakai adalah sukatn *sa'* Madinah, tetapi mereka berbeza dalam mengenalpasti besarnya satu *sa'* tersebut. Terdapat dua pendapat yang masyhur berkenaan satu *sa'*. Pendapat pertama adalah satu *sa'* bersamaan dengan 5 1/3 katI Baghdad yang merupakan pendapat ulama' fiqh Hijaz (Yahya bin Syaraf al-Nawawi, t.t.). Pendapat kedua pula adalah satu *sa'* bersamaan dengan 8 katI Baghdad yang merupakan pendapat ulama' fiqh Iraq (Ibn al-Humam).

Pendapat yang terpilih adalah satu *sa'* bersamaan dengan  $5 \frac{1}{3}$  kati Baghdad. Al-Qaradawi juga berpendapat bahawa satu *sa'* adalah bersamaan dengan  $5 \frac{1}{3}$  kati Baghdad (al-Qaradawi). Pendapat ini berasaskan beberapa bukti, antaranya Imam Malik sendiri telah menakar sendiri besar *sa'* penduduk Madinah yang masih kekal sehingga zaman beliau (al-Baihaqi, 2003). Abu Yusuf juga telah menakar sendiri besar *sa'* penduduk madinah ketika beliau selesai menunaikan haji, sehingga beliau menukar pendapatnya dengan menerima pendapat penduduk Madinah ( al-Baihaqi).

Namun timbul permasalahan yang timbul adalah kiraan semasa (kg) bagi 1 kati Baghdad, perlunya ada usaha untuk mendapatkan kiraan tepat bagi 1 kati Baghdad tersebut mengikut sukanan Malaysia. Walaubagaimanapun terdapat 2 alternatif untuk menyelaraskan timbangan nisab zakat pertanian;

- 1) Pertama: Al-Qaradawi telah melakukan kiraan nisab *5 awsuq* mengikut kiraan semasa. Beliau mendapati bahawa *5 awsuq* adalah bersamaan dengan 653 kg gandum. Kadar berat ini boleh digunakan (diquyaskan) dalam timbangan nisab bagi beras (Sayed Sikandar Shah Haneef & Mek Wok Mahmud).
- 2) Kedua: Memilih satu kadar yang telah ditentukan oleh setiap negeri untuk menjadikan kadar nisab yang sesuai diaplikasikan di Malaysia. Kadar nisab yang dilihat sesuai adalah 363 gantang beras yang bersamaan 1300 kg beras. Timbangan inilah yang perlu kita selaraskan bagi setiap negeri di Malaysia.

Perbincangan nisab *5 awsuq* adalah sesuai digunakan bagi hasil pertanian yang boleh diliter. Bagi hasil pertanian yang tidak boleh disukat dengan menggunakan *sa'* hendaklah dikeluarkan zakat dengan menggunakan mata wang mengikut nilai *5 awsuq* bijian yang sederhana nilai harganya. Nilai harga barang memang berbeza di antara setiap negara, jadi penentuan itu hendaklah diserahkan kepada setiap ilmuan di negara tersebut (al-Qaradawi). Sebagai contoh, nisab bagi tebu adalah mengikut nilai *5 awsuq* padi atau dalam kilogram adalah lebih kurang 653 kg padi yang mempunyai harga yang sederhana. Harga sederhana digunakan sebagai ukuran adalah untuk menjaga dua kepentingan iaitu, kepentingan fakir miskin dan kepentingan pemilik kekayaan (al-Qaradawi).

### **3- Melakukan pentaksiran ke atas tanaman**

Pentaksiran dilakukan ke atas tanaman adalah untuk mengetahui jumlah yang perlu dizakatkan oleh petani dengan lebih awal (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003). Pentaksiran atas tanaman dilihat perlu bahkan ianya sunat dilakukan menurut para fuqaha', oleh kerana itu pemerintah perlu mewujudkan para pegawai atau pekerja untuk melakukan kerja-kerja pentaksiran ( Ibn Qudamah al-Maqdisi, 1997). Objektif paling jelas dalam melakukan pentaksiran ialah untuk memberi kebebasan kepada pemilik untuk melakukan apa-apa urusan terhadap hasil pertaniannya (Mahmood Zuhdi).

Walaubagaimanapun dalam isu ini terdapat dua golongan yang berbeza pendapat, golongan yang mengatakan sah menggunakan kaedah pentaksiran dan yang mengatakan tidak sah. Golongan tersebut adalah :

- 1- Jumhur ulama'. Mengikut jumhur ulama' menggunakan kaedah pentaksiran adalah sah, dan mereka berhujah dengan dalil daripada hadis Nabi s.a.w (Ibn Qudamah).

- 2- Imam Abu Hanifah pula berbeza dengan jumhur. Beliau berpendapat kaedah pentaksiran adalah tidak sah. Beliau berhujah bahawa kaedah pentaksiran merupakan satu bentuk anggaran dan agakkan. Anggaran dan agakkan tidak boleh dijadikan sumber hukum (al-Qaradawi, 2005).

Pendapat yang diterima adalah pendapat yang dikemukakan jumhur ulama' kerana adanya nas yang jelas (al-Syaukani). Namun perlu ditekankan bahawa pentaksiran ini bukanlah sesuatu yang mengikat. Pemilik hasil tanaman boleh menolaknya (jumlah taksiran) sekiranya ia tidak tepat berbanding jumlah sebenar setelah disukat. Al-Syirazi menyatakan sekiranya kesilapan (pentaksiran) yang didakwa itu terlalu besar sehingga mencecah  $1/3$  atau  $1/4$  maka dakwaan pemilik hasil itu perlu ditolak. Sekiranya dakwaan kesilapan itu dalam kadar yang munasabah, dakwaan pemilik hasil itu perlu diterima dengan disertai sumpah (Ibrahim bin 'Ali al-Syirazi, 1995).

Asasnya pentaksiran ini dilakukan kepada kurma dan anggur sahaja. Berkenaan hasil pertanian selain daripada kurma dan anggur, jumhur berpendapat bahawa selain kurma dan anggur tidak boleh ditaksir, manakala al-Zuhri, al-Laith dan al-Auza'i berpendapat bahawa selain kurma dan anggur boleh digunakan kaedah pentaksiran (Ibn Qudamah). Imam Yahya juga mengharuskan dilakukan pentaksiran ke atas tanaman (selain buah-buahan) kerana maslahah (al-Syaukani).

Dicadangkan di Malaysia agar melakukan pentaksiran ke atas semua jenis sumber-sumber pertanian yang layak dikenakan zakat. Ianya dapat melancarkan perakaunan zakat pertanian, mampu menjamin keakuratan petani untuk membayar zakat serta memudahkan para petani melakukan urusan terhadap hasil pertaniannya dan memudahkan pengutip zakat dalam melakukan urusan berkaitan perlaksanaan zakat pertanian.

#### **4- Zakat atas penyewa dan tuan tanah**

Di Malaysia amalan menyewa dan memberi sewa tanah telah lama dipraktikkan, termasuklah amalan menyewa tanah pertanian. Jadi persoalan yang timbul siapakah yang perlu membayar zakat, adakah pemilik tanah kerana pemilikannya terhadap tanah tersebut dan mendapat keuntungan atas sewaannya ataupun orang yang menyewa kerana secara zahir dialah yang mengusahakan tanah dan tanaman dan yang mengeluarkan hasil dari tanah tersebut.

Ulama-ulama fiqh juga berbeza pendapat dalam isu ini. Secara asasnya di dalam persoalan ini terdapat dua pandangan yang utama;

- i) Pendapat Imam Abu Hanifah: Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa zakat hanya dikenakan ke atas pemilik tanah (al-Kasani). Ini adalah kerana zakat pertanian ('usyr) diwajibkan ke atas tanah yang mengeluarkan hasil bukan ke atas bijian ataupun hasil pertanian (al-Sarakhsyi), alasan lain adalah kerana 'usyr dikenakan ke atas manfaat dari tanah, dan manfaat dari tanah itu sebenarnya di serahkan kepada penyewa dalam bentuk bayaran sewa, dan sewa adalah ganti kepada manfaat yang diperoleh dari tanah. Oleh kerana itu zakat dikenakan ke atas pemilik tanah, berasaskan kaedah hukum perkara yang mengantikan mengambil hukum perkara yang digantikan (al-Sarakhsyi).

- ii) Pendapat jumhur: Jumhur ulama pula berpendapat bahawa zakat hanya dikenakan ke atas penyewa, oleh kerana zakat diwajibkan ke atas hasil tanaman bukan tanah yang mengeluarkan hasil tanaman itu (Ibn Rusyd, 2009).

Ibnu Rusyd telah melakukan penjelasan berkenaan asas perbezaan Imam Abu Hanifah dan Jumhur. Ibnu Rusyd menjelaskan sebab perbezaan pendapat dua golongan tersebut adalah penentuan sama ada zakat itu merupakan hak tanah ataupun hak hasil tanaman ataupun hak keduanya. Tetapi tidak ada yang berpendapat bahawa ia merupakan hak keduanya. Sedangkan ia adalah hak keduanya (iaitu hak tanah dan hak hasil tanaman). Mereka berpendapat bahawa zakat mestilah merupakan hak salah satu antara keduanya, perbezaan yang timbul adalah yang mana satukah di antara dua perkara itu lebih utama untuk dikenakan zakat. Maka jumhur berpendapat bahawa zakat dikenakan atas hasil tanaman, dan Abu Hanifah berpendapat bahawa zakat dikenakan atas asal kepada benih iaitu tanah (Ibn Rusyd).

Apabila diteliti penjelasan yang dikemukakan oleh Ibnu Rusyd mempunyai asasnya. Oleh kerana itu adalah wajar sekiranya zakat dikenakan ke atas penyewa dan tuan tanah. Perkara ini dapat meningkatkan hasil kutipan zakat di Malaysia dalam rangka mempertingkatkan ekonomi umat Islam. Al-Qaradawi juga bersetuju dengan pendapat Ibnu Rusyd ini, di mana zakat pertanian diwajibkan ke atas tanah dan ke atas hasil pertanian, bukan ke atas salah satu daripada dua perkara tersebut. Ini bermakna pemilik tanah dan penyewa hendaklah mengeluarkan zakat pertanian (al-Qaradawi).

Tetapi masih terdapat persoalan yang timbul apabila pemilik tanah dan penyewa perlu mengeluarkan zakat, iaitu bagaimakah cara kedua-dua mereka untuk mengeluarkan zakat secara bersama?. Berikut adalah cara dan kaedah kiraan yang dikemukakan oleh al-Qaradawi;

Permulaannya, sewa yang dikenakan ke atas penyewa hendaklah ditolak sebagai hutang yang ditanggung oleh pembayar zakat. Ini bermakna hasil pertanian hendaklah ditolak dengan segala hutang yang ditanggung dan pembiayaan, dan kemudian barulah dikeluarkan zakat dari bakinya apabila telah cukup nisab samada sebanyak 10% ataupun 5%.

Contoh kiraannya adalah, seorang lelaki telah menyewa sawah untuk menanam padi dengan harga sewaan sebanyak *20 junaih*. Hasil yang diperoleh daripada sawah itu adalah *100 irdab* yang mana setiap *1 irdab* berharga *4 junaih*. Maka penyewa hendaklah menolak hasil pertanian yang diperoleh itu sebanyak *50 irdab* untuk bayaran sewa sawah (*50 irdab x 4 junaih = 200 junaih*) sepanjang sepuluh bulan ( 10 bulan x *20 junaih = 200 junaih*). Contohnya penyewa telah menggunakan sebanyak *40 junaih* (bersamaan dengan *10 irdab*) untuk tujuan pembiayaan juga hendaklah ditolak. Maka setelah ditolak yang tinggal hanyalah sebanyak *40 irdab* sahaja pada penyewa (cukup nisab), dan hendaklah dia mengeluarkan sebanyak 5% (atau 10% mengikut kaedah pengairan) daripada *40 irdab* untuk dizakatkan iaitu sebanyak *2 irdab*. Manakala pemilik tanah hendaklah mengeluarkan zakat daripada hasil bayaran sewa yang diperoleh, iaitu sebanyak *200 junaih*. Contohnya pemilik tanah perlu membayar cukai ataupun *kharaj* sebanyak *40 junaih*, maka *40 junaih* hendaklah ditolak dari *200 junaih*. Maka yang tinggal pada pemilik tanah adalah sebanyak *160 junaih* (cukup nisab), maka wajib untuknya mengeluarkan zakat sebanyak 5% daripada *160 junaih*, iaitu *8 junaih* (al-Qaradawi). Sekiranya setelah ditolak sewa dan pembiayaan dan baki yang tinggal

tidak mencukupi nisab maka zakat tidak lagi diwajibkan ke atas penyewa.

Mengenai pemilik tanah pula ia tidaklah wajib mengeluarkan zakat daripada hasil pertanian itu tetapi dia wajib mengeluarkan zakat daripada sewa yang diperoleh daripada penyewa yang mengusahakan tanah dan tanaman. Apabila duit sewa yang diperoleh itu mencukupi nisab (iaitu sebanyak RM 1470.15) maka dia wajib mengeluarkan zakat sebanyak 10% ataupun 5% daripada duit sewa yang diperoleh tersebut. Sekiranya terdapat hutang yang ditanggung, membayar *kharaj*, ataupun sara hidup, pemilik hendaklah menolak kesemuanya itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat (al-Qaradawi).

Contoh yang lain adalah seorang penyewa telah menyewa tanah dengan harga sewaan sebanyak RM 200, dia telah mengusahakan padi di tanah tersebut. Hasil yang diperoleh daripada tuaian padi adalah sebanyak 600 gantang beras. Dia juga telah menggunakan sebanyak RM 300 untuk membiayai tanamannya itu.

Nisab zakat pertanian adalah 5 *awsuq* mengikut ukuran gantang di Malaysia adalah sebanyak 363 gantang (al-Qaradawi) iaitu bersamaan 1300 kg, jadi 600 gantang x 3.58 kg = 2148 kg. 1 kg beras = RM 1.80, jadi 2148 kg x RM 1.80 = RM 3866.40. maka nilai sebanyak RM 3866.40 perlu ditolak dahulu harga sewa tanah dan pembiayaan yang ditanggung oleh penyewa (petani) sebanyak RM 500. Jadi nilai bersih yang berada ditangan penyewa adalah sebanyak RM 3366.40. Nisab zakat pertanian mengikut harga adalah (363 gantang = 1300 kg x RM 1.80 = RM 2340) sebanyak RM 2340, jadi RM 3366.40 yang diperoleh oleh petani adalah melebihi nisab dan hendaklah dia mengeluarkan zakat sebanyak 10% ataupun 5% daripada RM 3366.40. Supaya pengiraan ini lebih mudah untuk difahami rujuk Jadual 2;

**Jadual 2: Pengiraan zakat yang dikenakan ke atas penyewa**

Pengiraan :		
	RM 3866.40	(Hasil pertanian yang diperoleh oleh penyewa)
	- RM 300.00	(Sewa tanah)
	- RM 200.00	(Pembiayaan)
	-----	
	RM 3366.40	(Hasil bersih dan telah melebihi nisab [RM 2340])
	-----	
Maka 5% ataupun 10% daripada RM 3366.40 hendaklah dizakatkan.		

Sekiranya setelah ditolak sewa dan pembiayaan dan baki yang tinggal tidak mencukupi nisab maka zakat tidak lagi diwajibkan ke atas penyewa. Mengenai pemilik tanah pula ia tidaklah wajib mengeluarkan zakat daripada hasil pertanian itu tetapi dia wajib mengeluarkan zakat daripada sewa yang diperoleh daripada penyewa yang mengusahakan tanah dan tanaman. Apabila duit sewa yang diperoleh itu mencukupi nisab (iaitu sebanyak RM 2340.00) maka dia wajib mengeluarkan zakat sebanyak 10% ataupun 5% daripada duit sewa yang diperoleh tersebut. Sekiranya terdapat hutang yang ditanggung, membayar *kharaj*, ataupun sara hidup, pemilik hendaklah menolak kesemuanya itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat (al-Qaradawi).

Pendapat ini dilihat lebih sesuai dengan prinsip keadilan dan toleransi. Penyewa membayar zakat hasil dari tanaman dan buah-buahan yang dikurniakan Allah kepadanya setelah ditolak sewa, hutang dan pembiayaan-pembiayaan lain, manakala pemilik pula membayar zakat hasil keuntungan yang diperolehnya daripada tanah yang disewakannya itu apabila telah ditolak hutang, *kharaj* dan selainnya. Dengan pertimbangan kewajipan yang adil itulah diambil apa yang terbaik dari pendapat Abu Hanifah dan apa yang terbaik dari pendapat jumhur. Zakat dikenakan berasaskan pemilikan masing-masing maka tidak timbul persoalan membayar dua zakat pada sumber yang sama (al-Qaradawi). Kesimpulannya kaedah ini perlulah diaplikasikan di Malaysia untuk meningkatkan hasil kutipan zakat serta memperkasakan zakat daripada hasil pertanian.

## Kesimpulan

Zakat suatu bidang yang penting dalam Islam. Ia bukan sahaja ibadat sebagai bukti ketaatan kepada Allah, bahkan ia mendatangkan kemudahan dalam kehidupan umat Islam. Memperkasakan zakat sama seperti memperkasakan umat Islam. Pemerksaan zakat dapat memberikan beberapa faedah antaranya, mempertingkatkan taraf sosio ekonomi umat Islam, menjamin pusingankekayaan (*rounding wealth*) di kalangan masyarakat, membantu golongan yang memerlukan terutamanya fakir miskin dan sebagainya.

Disebabkan itulah setiap bidang-bidang pengurusan zakat perlu diperkasakan dari sudut sumber-sumber zakat, kaedah kutipan dan agihan zakat serta mempertingkatkan produktiviti harta zakat. Kertas kerja ini menyediakan beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian dalam usaha memperkasakan zakat pertanian di Malaysia. Oleh kerana itu perlu adanya kajian lanjutan dijalankan dalam merealisasikan cadangan-cadangan serta idea-idea yang telah dikemukakan.

## Rujukan

- ‘Abdul Karim Zaidan (1993), *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Isam Abu al-Nasr (2010), *al-Itar al-Fiqhi wa al-Mahasabi li al-Zakah*. Kaherah: Dar al-Nasyr li al-Jami’at.
- Abu ‘Ubaid, al-Qasim bin Salam (1989), *Kitab al-Amwal*. Beirut : Dar al-Syuruq.
- Ahmad Muflih Saefuddin (1986), *Pengelolaan zakat ditinjau dari aspek ekonomi*. Bontang: Badan Dakwah Islamiyyah.
- al-Baihaqi (2003), *al-Sunan al-Kubra*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Buhuti, Mansur bin Yunus (2003), *Kasyaf al-Qina’ ‘an Matn al-Iqna’*. Riyad : Dar ‘Alam al-Kutub.
- al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad (1980), *Hasiyat al-Dasuqi ‘ala Syarh al-Kabir*. Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Kasani, Abu Bakr bin Mas’ud (2003), *Badai’ al-Shanai’ fi Tartib Syarai’*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Khatib al-Syarbini, Muhammad bin Muhammad (2004), *Al-Iqna’ fi Hill Alfaz Abi Syuja’*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1992), *al-Mughni*. Kaherah: Hajar.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1997), *al-Mughni*. Riyadh: Dar ‘Alim al-Kutub.
- al-Mawardī (1999), *al-Hawi al-Kabir*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Mirghinani, ‘Ali bin Abu Bakr (t.t.), *Bidayat al-Mubtadi*. Kaherah: Matba’ah al-Futuh.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (2003), *Raudah al-Talibin*. Riyadh : Dar ‘Alam al-Kutub.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (t.t.), *al-Majmu’ Syarh al-Muhadhdhab*. Jeddah : Maktabah al-Irsyad.
- al-Qaradawi, Yusuf (1994), *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhau’ al-Qur’an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qarasyi, Yahya bin Adam (1384H), *Kitab al-Kharaj*. Kaherah : Al-Matba’ah As-Salafiyyah.
- al-Qurtubi (2006), *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut : Mu’asarah al-Risalah.
- al-Sarakhsī, Syams al-Dīn (1978), *Al-Mabsut*. Beirut : Dar al-Ma’rifah.
- al-Syāfi’ī (2002), *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Syaukānī (2005), Muhammad bin ‘Ali. *Nail al-Awtar*. Mesir: Dar al-Hadis.
- al-Syirazi, Ibrahim bin ‘Ali (1995), *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafī’ī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Asmak Ab. Rahman & Joni Tamkin Borhan (2005), “Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor.” dlm. *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj. Hassan et al. 143-165. (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd).
- Aziz Abdul Majid, Ab. Latif Ibrahim, Norizan Md. Nor & Hassan Naziri Khalid (2003), “Pertanian Mapan: Cabaran dan Strategi Pembangunan Dalam Sektor Pertanian Di Negeri Perlis.” Makalah Society Space and Environment In A Globalised World Prospects & Challenges, City Bayview Hotel, Penang, 29-30 April 2003.
- Didin Hafidhuddin (2002), *Zakat dalam perekonomian modern*. Jakarta : Gema Insani.
- Hamizul Abdul Hamid (2012), *Eksklusif Zakat*. Selangor: Galeri Ilmu.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*. UPENA, UiTM: Selangor.
- Ibn al-‘Arabi (2003), *Ahkam al-Qur’an*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn al-Humām (2003), *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Rusyd (2009), *Bidayah al-Mujtahid wa al-Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri (2009), *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Jabatan Zakat Negeri Kedah. “Nisab Zakat Padi.” [zakatkedah.com](http://www.zakatkedah.com/index.php/padi). Diakses pada 8 Jun 2013. <http://www.zakatkedah.com/index.php/padi>
- JAKIM. “Kaedah Pengiraan Zakat Harta Bagi Negeri Melaka.” [e-fatwa.gov](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka). Diakses pada 9 Jun 2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>
- Lembaga Zakat Selangor. “Zakat Pertanian.” [e-zakat.com](http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/). Diakses pada 8 Jun 2013. <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MAIDAM. “Zakat Tanaman.” [terengganu.gov](http://www.terengganu.gov.my/maxc2020/baitulmgmt/gen.zakatTanaman.php). Diakses pada 8 Jun 2013. <http://www.terengganu.gov.my/maxc2020/baitulmgmt/gen.zakatTanaman.php>
- MAIJ. “Zakat Pertanian (buah-buahan dan bijiran).” [mai.j.gov.my](http://www.maij.gov.my/zakat/). Diakses pada 8 Jun 2013. <http://www.maij.gov.my/zakat/>
- MAIK. “Kadar Nisab Zakat Tanaman (Padi).” [e-maik.my](http://www.e-maik.my). Diakses pada 8 jun 2013. <http://www.e>

- [maik.my/public\\_new/index.php?option=com\\_content&view=article&id=237&Itemid=1199](http://maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=237&Itemid=1199)
- Mohd Faisol Ibrahim & Suhana Musani (2010), *Zakat dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Sabah: UMS.
- Mohd Liki Hamid (2006), "Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya Kepada Ibadat Zakat Padi." dlm *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Md. Saleh Hj. Md, Abd Karim Ali, Ridzwan Ahmad, Mohamad Zaidi Abd. Rahman. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, UM.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah & Mohd Anuar Ramli (2012), "al-Qaradawi's Juristic Perspectives on Zakah of Agricultural Wealth As Reflected in His Fiqh al-Zakah: A Brief Survey." Makalah National Seminar on Contemporary Fiqh: Issues and Challenges, UIAM, 18-19 Disember 2012.
- Mujaini Tarimin (1990), *Zakat Pertanian ; Sistem dan Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuruul Hidayah Mansor (2012), "Analisis Perbandingan Amalan Kaedah Pembayaran Zakat Tanaman: Kajian di Negeri Selangor dan Perlis." Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya.
- PPZ MAIWP. "Zakat Pertanian." [zakat.com](http://www.zakat.com.my/en/zakat-pertanian.html). Diakses pada 8 Jun 2013.
- PPZMAIWP. "Zakat Pertanian." [zakat.com](http://www.zakat.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=102%3Azakat-pertanian&catid=10&Itemid=95&lang=ms). Diakses pada 16 April 2012.
- Pranam Dhar (2013), "Zakat as a Measure of Social Justice in Islamic Finance: An Accountant's Overview." *Journal of Emerging Economies and Islamic Research* 1, no. 1 (2013). Diakses pada 10 Jun 2013.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang. "Zakat Tanaman (Padi)." [zakatpahang.my](http://www.zakatpahang.my/v2/TanamanAbstrak.aspx). Diakses pada 8 Jun 2013.
- Pusat Zakat Melaka. "Zakat Pertanian." [izakat.com](http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=14&Itemid=13&lang=bn). Diakses pada 8 Jun 2013.
- Pusat Zakat Negeri Sembilan. "Zakat Pertanian (Padi)." [zakatns.com](http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian-padi). Diakses pada 8 Jun 2013.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wiyadi (2006), "Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian di Malaysia." *Jurnal Manajemen dan Bisnis* 12, no. 1 : 65-75.
- Sayed Sikandar Shah Haneef & Mek Wok Mahmud (2011), *Issues in Contemporary Zakah A Juristic Analytical Evaluation*. Selangor: IIUM Press, 2011.
- Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor (2002), *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Tabung Baitulmal Sarawak. "Zakat Tanaman dan Pertanian." [tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian3.html](http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian3.html)
- Zakat Pulau Pinang. "Zakat Pertanian." [zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com/index.php/kutipan/jenis-zakat/zakat-pertanian). Diakses pada 8 Jun 2013.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor (2012), "Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi." Dlm *Prosiding Perkem VII*, 1263-1273. Bangi: UKM, 2012.

